

Tambah papan tanda amaran elak tragedi lemas

BH ONLINE | Khamis, 28 November 2019 | 7:52am



Bendera merah di Pantai Teluk Cempedak, Kuantan, sebagai tanda amaran kepada pengunjung berikutan ombak besar dan musim Monsun Timur Laut. - NSTP/Muhd Asyraf Sawal

KUALA LUMPUR: Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memasang lebih banyak papan tanda amaran di kawasan 'panas' yang menjadi tumpuan pengunjung untuk melakukan aktiviti air bagi mengelak berlakunya kejadian lemas.

Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat (Ikatan), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) turut disaran menugaskan lebih ramai anggota bagi memantau aktiviti pengunjung di kawasan seperti sungai, pantai, dan air terjun.

"JBPM boleh letak bendera merah sebagai amaran supaya sesiapa pun tidak boleh masuk di lokasi itu untuk melakukan aktiviti air, manakala papan tanda yang dipasang oleh PBT di kawasan berisiko tinggi perlu menyatakan situasi lokasi yang ingin dikunjungi.

"Sudah sampai masanya untuk semua pihak tidak lagi leka berkenaan soal keselamatan (ketika melakukan aktiviti air) ini kerana ia amat penting," katanya kepada BERNAMA di sini, hari ini.

Berdasarkan perangkaan JBPM dari Januari hingga Oktober lalu, kawasan sungai merekodkan kes mati lemas paling tinggi iaitu 109 kes.

"Ia diikuti kes lemas di kawasan pantai dengan 41 kes, kawasan tasik sebanyak 27 kes, manakala kawasan air terjun 11 kes, malah empat kes direkodkan mengenai remaja terjatuh dalam pembedungan.

"Berdasarkan angka ini, kita boleh melihat gambaran sesiapa yang mahu melakukan aktiviti air mesti memahami risiko bahayanya.